PERCAYAWAN
(1)

PERNYATAAN PENTING

Disipal-disipal Tuan mempunyai hadirat sebenar Tuhan Tritunggal
sebagai keriangan mereka yang amat besar
untuk menjadikan mereka "manusia yang seperti Yesus",
orang yang manis, menawan, dan menarik
kepada orang yang dihubungi mereka,
tanpa apa-apa penipuan atau kemunafikan.

Hayat abadi ialah hayat Tuhan berserta sifat divin,
Tuhan Tritunggal ialah struktur Wasiat Baru,
dan Tuhan ialah Tuhan yang menyembunyikan diri—
Tuhan yang bersembunyi.

Melalui kita bertumbuh dalam hayat divin dalam Kristus
yang merupakan batu hidup, kita ditransform menjadi batu-batu berharga;
menerusi proses transformasi, Tuhan Tritunggal
digarapkan ke dalam dan dibentuk bersama dengan kita
supaya kemuliaan kurnia-Nya mendapat pujian;
dengan kurnia ini Dia mengurniai kita dalam Yang Dikasihi itu
agar kita menjadi Yerusalem Baru yang merupakan penutup seluruh Bible
dan khabar baik kepada seluruh alam semesta.

Kristus ialah Pengantin Lelaki,
gereja sebagai Pengantin Kristus,
harus menjadi pejuang untuk menewaskan musuh Tuhan,
dan menerusi peperangan rohani,
tujuan abadi Tuhan disempurnakan sepenuhnya.

© 2026 Living Stream Ministry

Mesej Satu

Disipal, Percayawan, Pekudus, dan Orang Kristian

Bacaan Bible: Mat. 5:1; 28:19; 2 Kor. 6:14-16; 1 Kor. 1:2; 1 Ptr. 4:16

I. Kita ialah disipal Kristus, orang yang mengikut dan mempelajari Kristus sebagaimana realiti itu ada dalam Yesus, iaitu keadaan sebenar kehidupan Tuhan-manusia Yesus seperti yang tercatat dalam empat Injil; ini adalah untuk mengalami Kristus dalam pengalaman-Nya agar kita dapat menjadi reproduksi dan duplikasi-Nya yang organik supaya Dia memperoleh ekspresi korporat bagi diri-Nya demi kemuliaan-Nya dalam gereja dan dalam Yerusalem Baru—Mat. 5:1; 28:19; Ef. 4:20-24; 3:21; Yes. 43:7; Wahi 21:11:

A. Kita sedang didisipalkan daripada seorang manusia alamiah menjadi seorang Tuhan-manusia yang berhidupkan hayat divin dengan menyangkal hayat alamiah kita menurut model Kristus yang merupakan Tuhan-manusia yang pertama; inilah erti mempelajari Kristus dan diajar dalam-Nya sebagaimana realiti itu ada dalam Yesus, diperbarui dalam roh minda kita melalui sabda Tuhan supaya kita dapat menjadi Tuhan-manusia yang baru dan korporat—Ef. 4:23; Ul. 17:18-20:

1. "Jika kamu tinggal dalam sabda-Ku, kamu benar-benar disipal-Ku; kamu akan mengenali kebenaran, dan kebenaran akan membebaskan kamu"—Yoh. 8:31-32, 36; 15:7.
2. Dengan membaca Bible dengan penuh doa dan dengan mempunyai telinga yang mendengar apa yang dikatakan Roh itu kepada gereja-gereja menerusi ministri sabda, kita didisipalkan Tuan dengan ditransform melalui pembaruan minda kita—Ef. 6:17-18; Wahi 2:7; Roma 12:2; Ef. 4:23.
3. Diperbarui dalam minda kita bererti semua konsep lama berkenaan hal-hal kehidupan manusia disingkirkan menerusi menerima pemikiran Tuhan yang baru melalui ajaran Kitab Kudus dan pencahayaan Roh Kudus—Mzm. 119:105, 130.
4. Untuk menjadi disipal Tuan yang diselamatkan dalam Kristus sendiri sebagai hayat agar meraja dalam hayat atas Syaitan, dosa, dan maut, kita harus dikonstitusikan semula dengan sabda kudus Tuhan supaya kita dapat diajar, dikawal, diperintah, dan dikuasai oleh sabda Tuhan—Roma 5:10, 17; Ul. 17:18-20; 2 Tim. 3:15-17.

B. Mempelajari Kristus bererti kita digantikan dengan Kristus melalui makan Kristus; realiti itu yang ada dalam Yesus (kehidupan Tuhan-manusia Yesus individu) menjadi realiti Tubuh Kristus (kehidupan Tuhan-manusia Kristus korporat) melalui kita makan Kristus untuk menikmati Kristus sebagai bekalan yang membekali, memberi tenaga, memperkudrat, serta mengupayakan kita, supaya kita dapat memilih dan melaksanakan kehendak Tuhan demi kemuliaan-Nya dalam gereja—Yoh. 6:57; Yes. 7:14-15; Yoh. 17:4; Ibr. 5:8; Flp. 2:8; Yoh. 6:63; Yer. 15:16; Ibr. 4:16; Roma 5:5, 17; 12:2; 2 Kor. 5:14; Ef. 3:20-21.

C. Kita mempelajari Kristus dengan dibangunkan-Nya setiap pagi supaya kita dapat mempunyai telinga dan lidah seorang yang dididik untuk membantu yang lesu dengan kata-kata; sebagai disipal Tuan, orang yang dididik-Nya, kita harus bersandar pada-Nya, menaruh keyakinan kepada nama-Nya, dan tidak menjana cahaya kita sendiri—Yes. 50:4-5, 10-11.

D. Kita mempelajari Kristus sebagaimana Dia adalah lembut-halus dan rendah hati, sebagaimana kuk-Nya adalah mudah dan beban-Nya adalah ringan, dan sebagaimana Dia memberi diri-Nya kepada kita untuk menjadi rehat (damai sejahtera yang sempurna dan kepuasan yang penuh) bagi sukma kita—Mat. 11:28-30.

E. Kita mempelajari Kristus sebagai rahsia kecukupan yang huni secara dalaman untuk mengekspresikan atribut Tuhan dalam virtu-virtu insani Kristus, berhidupkan-Nya untuk memperbesar-Nya dalam setiap sekitaran, situasi, dan keadaan—Flp. 4:5-13.

F. Kita mempelajari Kristus sebagaimana Dia menghasratkan rahmat menurut hati-Nya yang penuh kasih dan pengampunan serta menurut roh-Nya yang menggembala dan mencari—Mat. 9:12-13.

G. Disipal-disipal yang mengikut Tuan selama tiga tahun setengah melihat apa yang dilakukan-Nya, bagaimana Dia berperilaku, dan bagaimana Dia berbicara; Roh hayat dan realiti yang dihembuskan ke dalam mereka (Yoh. 20:22) akan membimbing mereka ke dalam segala realiti bagi apa yang telah diperhatikan mereka daripada Tuan (16:13).

H. Tuan Yesus ialah satu persona yang menjalani kehidupan insani dalam kebangkitan, bukan melalui diri-Nya tetapi melalui satu lagi sumber, iaitu Bapa-Nya; apabila kita hidup dalam keinsanan kita melalui hayat yang satu lagi, yakni melalui Kristus yang menghuni kita secara dalaman, kehidupan jenis ini menjadikan kita disipal Tuan yang sejati.

I. Disipal-disipal Tuan mempunyai hadirat sebenar Tuhan Tritunggal sebagai keriangan mereka yang amat besar untuk menjadikan mereka "manusia yang seperti Yesus", orang yang manis, menawan, dan menarik kepada orang yang dihubungi mereka, tanpa apa-apa penipuan atau kemunafikan—Mat. 1:23; Mzm. 43:4; Roma 14:17; Neh. 8:10; Flp. 1:25; 4:5, 8-9; 1 Tim. 4:15-16.

J. Pengikut-pengikut Kristus didisipalkan menerusi kehidupan insani Kristus di bumi yang merupakan model Tuhan-manusia—berhidupkan Tuhan dengan menyangkal diri-Nya dalam keinsanan (Yoh. 5:19, 30); ini merevolusikan konsep mereka tentang manusia (Flp. 3:10; 1:21a).

K. "Sepanjang lapan belas tahun dalam pemulihan, saya memerhatikan bagaimana Dikbang Watchman Nee bertindak. Segala-gala yang saya perhatikan dalamnya telah menjadi hal-hal yang mendisipalkan saya" (*Kumpulan Vital,* m.s. 21).

II. Kita ialah percayawan dalam Kristus, orang yang mempunyai hayat dan hidup melalui iktikad Anak Tuhan; iktikad memansuhkan kita dan membolehkan kita berhidupkan Tuhan, mengekspresikan Tuhan, serta meministerkan Tuhan ke dalam orang—2 Kor. 6:14-16; Roma 1:17; Ibr. 11:6; Gal. 2:20:

A. Percayawan dalam Kristus (Yoh. 3:15-16) telah dipindahkan dari Adam ke dalam Kristus (1 Kor. 15:22), mereka telah dilahirukan untuk menjadi ciptaan baru dalam Kristus (2 Kor. 5:17), mereka telah disatukan dengan Kristus dalam hayat abadi-Nya, dan mereka telah digabungkan dengan Kristus untuk menjadi satu roh dengan-Nya (1 Kor. 6:17):

1. Sebagai percayawan dalam Kristus, kita telah dilahirkan sebanyak dua kali; pada kali pertama, kita dilahirkan menjadi manusia alamiah, namun pada suatu hari kita telah dilahirukan untuk dilahirkan semula dengan hayat divin yang abadi—Yoh. 3:6-7.
2. Sijil kelahiran kedua bagi kelahiran rohani kita dilihat dalam Roma 8:16, yang mengatakan bahawa Roh itu bersaksi bersama dengan roh kita bahawa kita ialah anak-anak Tuhan; sijil kelahiran kita yang divin dan mistikal ialah roh berganda, iaitu Roh itu bersama dengan roh kita yang telah menjadi satu roh dengan Tuan.

Mesej Satu (sambungan)

B. Apabila manusia mendengar Kristus, mengenali-Nya, menghargai-Nya, dan menyanjung-Nya, Dia menjana iktikad dalam manusia, membolehkan manusia percaya kepada-Nya; dengan demikian, Dia menjadi iktikad dalam manusia; melalui iktikad ini, manusia dapat percaya kepada-Nya—Ibr. 12:2.

C. Iktikad timbul daripada pendengaran sabda; apabila kita mendengar Kristus dan menghubungi Dia sebagai sabda Tuhan yang hidup dalam sabda Tuhan yang tertulis, Dia menjadi sabda yang diaplikasikan yang merupakan Roh itu yang didispenkan ke dalam kita untuk menjadi iktikad kita; dengan demikian, Tuhan yang terjasad dalam Kristus dan direalisasikan sebagai Roh yang berbaur dengan roh kita ialah iktikad—Roma 10:17; Yoh. 1:1; 5:39-40; 6:63.

D. Pendengaran kepercayaan menimbulkan penghargaan kita yang penuh kasih mesra; semakin kita mengasihi Tuan, semakin iktikad beroperasi untuk membawa kita ke dalam kekayaan dan manfaat Roh almuhit—Gal. 3:2, 5; 5:6.

E. Roma 12:3 berkata, "Jangan memikirkan dirinya lebih tinggi daripada yang patut difikirkannya, tetapi berfikir sedemikian rupa agar berminda waras, menurut ukuran iktikad yang diperuntukkan Tuhan kepada setiap orang":

1. Memikirkan diri kita lebih tinggi daripada yang patut kita fikirkan tanpa berminda waras, memansuhkan urutan yang wajar dalam kehidupan Tubuh; Tuhan memberi kita iktikad yang sama dalam kualiti tetapi bukan dalam kuantiti; perihal kuantiti bergantung pada bagaimana kita bertumbuh; hari ini, jika kita bertumbuh sebagaimana dutus Paulus bertumbuh, maka bahagian iktikad yang kita terima akan diperbesar dengan banyak sekali.
2. Berapa banyak iktikad yang diperuntukkan Tuhan kepada kita bergantung pada sikap kita; jika kita tidak berminda waras (memikirkan diri kita dengan lebih tinggi daripada apa yang patut kita fikirkan, tidak menganggap satu sama lain lebih unggul daripada diri kita, dan memikirkan bahawa kita ini siapa padahal kita bukan sesiapa), Tuhan tidak akan menambah peruntukan iktikad-Nya kepada kita, bahkan Dia mungkin akan mengurangkannya—Flp. 2:2-3; Gal. 6:3; 1 Kor. 8:1-3.

F. Kita percayawan hidup melalui iktikad dalam hubungan yang berikut dengan Kristus:

1. Kristus ialah pohon anggur, dan kita ialah ranting-ranting-Nya—Yoh. 15:1-8.
2. Kristus ialah Kepala, dan kita ialah anggota-anggota-Nya—1 Kor. 12:27.
3. Kristus ialah nafas hayat, air hayat, serta roti hayat, dan kita ialah orang yang menghirup, makan, serta minum Dia—Yoh. 20:22; 4:10, 14; 7:37-39a; 6:35, 51-63, 68.
4. Kristus ialah Pengantin Lelaki, dan kita ialah pengantin perempuan-Nya—3:29; Ef. 5:25-27; Wahi 19:7-9; 2 Kor. 11:2-3.
5. Kristus ialah Bapa kepada anak yatim, dan kita ialah anak yatim yang telah menjadi anak-anak-Nya, menikmati jagaan dan penyelamatan-Nya, yang mengimplikasikan pembebasan dan pelepasan-Nya setiap hari—Yoh. 14:18; Mzm. 68:5-6; Yes. 9:6; 22:19-22; Yoh. 1:12-13; 14:10; Mzm. 107:1-43; 110:4; Wahi 2:1, 7; Ibr. 7:25; Roma 5:10.
6. Kristus ialah Tabib kita, dan kita ialah pesakit-Nya, yang menikmati Dia sebagai Penyembuh kita untuk menjadi pengampunan, kenikmatan, keriangan, kepuasan, dan kebebasan kita—Kel. 15:23-26; Mrk. 2:1—3:6.
7. Kristus ialah cahaya dunia, dan kita ialah pengikut-Nya agar kita beroleh cahaya hayat serta menjadi pembias-Nya untuk menyebarkan cahaya divin—Yoh. 8:12; Mat. 5:14-16; Flp. 2:12-16; 1 Yoh. 1:5, 7, 9; Wahi 21:23.

Mesej Satu (sambungan)

III. Kita ialah pekudus Tuhan, iaitu orang yang diasingkan dan dijadikan kudus untuk Tuhan—Roma 1:7; 1 Kor. 1:2, 30; bd. Bil. 6:1-9:

A. Kita telah dikuduskan dengan darah-Nya yang menebus dari segi kedudukan—Ibr. 13:12.

B. Kita sedang dikuduskan dengan sifat kudus-Nya dari segi disposisi—2 Tes. 2:13; Ibr. 2:10-11; 1 Kor. 6:11; Ef. 5:26; 1 Tes. 5:23-24.

IV. Kita ialah orang Kristian, Kristus-manusia, orang yang bersatu dengan Kristus, mempunyai Kristus sebagai isi kandungan yang membekali kita dengan limpah lengkap dalam penyatuan organik dengan-Nya untuk berhidupkan-Nya demi pembesaran-Nya dalam kehidupan harian kita—Kis. 11:26; 26:28; 1 Ptr. 4:16; 1 Kor. 6:17; 2 Kor. 4:7; Flp. 1:19-21a:

A. Matlamat menjadi orang Kristian dan takdir yang ditetapkan Tuhan untuk kita dalam ekonomi-Nya ialah kita bergerak-hidup melalui Roh itu agar berhidupkan Kristus demi kemuliaan Tuhan, ekspresi-Nya—Gal. 2:20; 5:16, 25; 6:17; Yes. 43:7; 1 Kor. 6:20; 10:31.

B. Setiap orang Kristian di bumi ini mempunyai perjalanan khusus yang ditentukan Tuan untuknya sebagai anggota Kristus yang berfungsi, untuk membina Tubuh-Nya; dia harus mengambil perjalanannya sendiri; tidak ada orang yang dapat menggantinya, dan dia juga tidak dapat mengganti orang lain—Kis. 13:22, 25, 36; 20:24; 1 Kor. 9:24; 12:14-22; 2 Tim. 4:7-8.

© 2026 Living Stream Ministry